

17 DEC 2000

MBS-Tuntutan

KERAJAAN MESTI TEGAS HENTIKAN TUNTUTAN MELAMPAU

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) -- Kerajaan perlu bertindak tegas dan keras menghentikan semua tuntutan melampau oleh mana-mana pihak sekali pun, jika tidak ingin melihat polemik tidak produktif itu menjejaskan hala tuju negara di alaf baru, kata Majlis Belia Selangor (MBS).

Presidennya Datuk Abdul Rahman Palil berkata sebarang tuntutan yang sensitif dan menyentuh hak sesuatu kaum hanya akan mengundang reaksi tidak menyenangkan dari kaum yang merasa tercabar.

"Setiap kaum pasti ada tuntutan sendiri, ada kehendak masing-masing. Apa akan jadi pada negara kita jika satu demi satu kaum lain pula mengemukakan tuntutan mereka?" katanya kepada Bernama hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas isu tuntutan 83 perkara oleh kumpulan pendesak Cina, Suqiu, yang kini dibalas balik oleh Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dengan 100 tuntutannya manakala Gerakan pula turut campur dengan menyokong Suqiu.

Beliau berkata MBS yang merupakan badan induk kepada 18 persatuan berbilang kaum dan agama di Selangor, di samping mewakili sembilan Majlis Belia Daerah, mendesak kerajaan bertindak segera tanpa memilih bulu supaya polemik yang sudah menimbulkan keresahan rakyat itu dihentikan segera.

Abdul Rahman berkata jika para pemimpin yang sudah berusia pun masih terikut-ikut dengan sentimen kaum yang kelihatan begitu mudah diapi-apikan, bagaimana mereka hendak menyemaikan sikap toleransi kaum, agama dan budaya di kalangan belia.

MBS pada mesyuarat agung tahunannya Khamis lepas membuat keputusan menghantar memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Menteri Dalam Negeri, untuk mendesak tuntutan dan tuntutan balas itu dihentikan segera.

"Kita mendesak kerajaan menggunakan apa sahaja peruntukan undang-undang yang ada untuk menghentikan isu ini kerana kita khuatir kelak ada persatuan lain yang akan membawa tuntutan mereka ke jalanan sebagai reaksi marah kepada sesuatu pihak," katanya.

-- BERNAMA

MNY MNY AKD